

Berita Harian
Februari 2024

Sun Life bantu bina kewangan lebih stabil, terjamin

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Februari 13, 2024 @ 10:11am
zahrin@bh.com.my



Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew.

KUALA LUMPUR: Pandemik COVID-19 yang melanda dunia beberapa tahun lalu secara tidak langsung meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mempunyai perlindungan kesihatan dan kewangan.

Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata sejak pandemik, rakyat Malaysia mengalami sendiri keperluan untuk membina keselamatan kewangan melalui perlindungan yang lebih baik.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia Assurance Bhd berkata, penanggung insurans Malaysia juga terbukti berdaya tahan dengan kedudukan modal yang kukuh untuk mengharungi perubahan situasi ekonomi secara berkesan.

Katanya, Sun Life Malaysia turut menyedari keperluan untuk membantu orang ramai mencipta situasi kewangan yang lebih stabil dan terjamin.

"Justeru, melangkah ke hadapan, kumpulan akan terus menggandakan usaha untuk memajukan keselamatan kewangan melalui perlindungan insurans dan takaful yang mencukupi," katanya dalam satu temu bual.

Lew berkata, kumpulan juga akan meningkatkan usaha untuk membawa impak yang lebih besar membina komuniti yang lebih sihat dan lebih mampan.

"Ketika ini, kami tetap fokus untuk memacu kumpulan agar sentiasa berinovasi untuk memperkenalkan rangkaian produk terkini yang disesuaikan untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan.

"Kami juga terus meningkatkan usaha untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan celik kewangan melalui beberapa siri usaha pendidikan, termasuk kerjasama dengan stesen radio, jerayawara, siri penjelasan video insurans dan takaful, tinjauan pengguna dan banyak lagi.

"Kami akan terus memajukan agenda kemampunan, terutamanya untuk membantu pelanggan memahami elemen ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) dalam keputusan pelaburan," katanya.

Lew berkata, Sun Life Malaysia juga melancarkan dua dana ESG berkaitan pelaburan (konvensional dan takaful) sepanjang dua tahun yang lalu.

"Sebagai perusahaan digital, kumpulan juga akan memberi tumpuan untuk meneruskan perjalanan pendigitalan, melabur dalam teknologi, digital dan analitik untuk meningkatkan kecekapan dan pengalaman semua pihak," katanya.

Sun Life Malaysia, syarikat usaha sama antara Sun Life Assurance Kanada dan Khazanah Nasional Bhd mula bertapak di Malaysia sejak 10 tahun lalu dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat negara ini.

Kumpulan itu mengembangkan jangkauan perniagaan dengan peningkatan dalam semua penunjuk kewangan dan meningkatkan bahagian pasaran sebanyak tiga kali ganda.

1.2 juta pelanggan

Lew berkata, jumlah pelanggan Sun Life Malaysia sehingga kini ialah 1.2 juta dan aset di bawah pengurusan berjumlah RM6.9 bilion.

"Kami terus mengekalkan kedudukan tiga teratas dalam keseluruhan segmen dan juga telah meningkatkan tiga kali ganda bahagian pasaran sejak penampilan pertama pada 2013," katanya.

Beliau berkata, bagi pasaran takaful, Sun Life Malaysia melalui Sun Life Malaysia Takaful Bhd mengekalkan kedudukan peneraju pasaran dalam pasaran takaful keluarga dan akan mengukuhkan kedudukan utama sebagai penyedia takaful keluarga teratas dalam segmen bancatakuful.

Katanya, kumpulan itu mempunyai purata kes industri terbesar, iaitu empat kali ganda lebih daripada purata industri.

"Sun Life Malaysia juga berada di barisan hadapan pengantaraan berasaskan nilai untuk takaful (VBIT) yang menumpukan kepada daya tahan kewangan, pemeriksaan komuniti, tadbir urus diri yang baik dan tingkah laku terbaik," katanya.

Dari segi inovasi produk, Lew berkata, kumpulan adalah pelopor dalam industri insurans dan takaful, memperkenalkan produk inovatif yang memenuhi keperluan pada peringkat kehidupan yang berbeza.

"Contohnya, Takaful Suria, produk takaful universal pertama di seluruh negara dan Takaful Mulia, pelan takaful komprehensif mengutamakan industri yang memenuhi lima rukun Islam.

"Kami turut melancarkan GoLife dan GoTakaful, produk insurans mikro berasaskan mudah alih pertama di Malaysia dan baru-baru ini, Prime Family Critical Care-i, pelan penyakit kritikal berbilang generasi yang memenangi anugerah dan pertama untuk industri takaful.

"Kami telah mengembangkan keupayaan pengedaran melalui perkongsian bancassurance dan juga tenaga agensi, disokong oleh rangkaian lengkap produk insurans hayat dan takaful yang inovatif," katanya.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/02/1211870/sun-life-bantu-bina-kewangan-lebih-stabil-terjamin>